**D.R. 36/97**

**Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan**

# RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1997 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

Tajuk ringkas.

**1.** Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1997) (No. 2) 1997.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1997

**2.** (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan sejumlah wang yang tidak melebihi tiga belas bilion satu ratus empat puluh satu juta dua ratus sembilan belas ribu lima ratus enam belas ringgit (RM13,141,219,516) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual bagi perkhidmatan tahun 1997, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1997, Akta Perbekalan Tambahan (1996 dan 1997) 1997 dan Akta Perbekalan Tambahan (1997) 1997.

*Akta A976.*
*Akta A990.*
*Akta A1002*

(2) Jumlah wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

(Seksyen 2)

| Maksud | Tajuk | Peruntukan kepada Maksud <br>(RM) |
|---|---|---|
| B. 1 | Parlimen | 12,848,500 |
| B. 3 | Jabatan Audit | 1,828,000 |
| B. 7 | Jabatan Perdana Menteri | 62,382,500 |
| B. 11 | Badan Pencegah Rasuah | 3,420,000 |
| B. 16 | Jabatan Perkhidmatan Bomba | 5,415,700 |
| B. 18 | Kementerian Perusahaan Utama | 15,900,000 |
| B. 19 | Kementerian Pertanian | 43,426,100 |
| B. 22 | Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan | 49,000,000 |
| B. 25 | Kementerian Pertahanan | 80,000,000 |
| B. 26 | Kementerian Pendidikan | 33,390,000 |
| B. 28 | Perbendaharaan | 10,000,000 |
| B. 29 | Perkhidmatan Am Perbendaharaan | 66,377,000 |
| B. 30 | Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun | 12,370,000,000 |
| B. 31 | Jabatan Kastam dan Eksais Diraja | 10,749,200 |
| B. 32 | Jabatan Hasil Dalam Negeri | 200,000,000 |
| B. 34 | Kementerian Kesihatan | 4,902,600 |
| B. 36 | Polis Diraja Malaysia | 5,000,000 |
| B. 37 | Jabatan Imigresen | 9,462,600 |
| B. 39 | Jabatan Pendaftaran Negara | 5,155,000 |
| B. 42 | Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat | 18,395,800 |

| Maksud | Tajuk | Peruntukan kepada Maksud (RM) |
|---|---|---|
| B. 43 | Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi | 4,000,000 |
| B. 44 | Kementerian Penerangan | 13,667,116 |
| B. 47 | Kementerian Pengangkutan | 7,649,800 |
| B. 48 | Kementerian Pembangunan Luar Bandar | 72,849,600 |
| B. 52 | Kementerian Kerja Raya | 35,400,000 |
| | JUMLAH | 13,141.219,516 |

## HURAIAN

Tujuan Rang Undang-Undang ini adalah untuk memberikan kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat bagi perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan dalam tahun 1997 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Akta Perbekalan 1997, Akta Perbekalan Tambahan (1996 dan 1997) 1997 dan Akta Perbekalan Tambahan (1997) 1997.

[PN. ($U^2$) 2042.]